

20 JUN 1998

Wanita-veteran

PERGERAKAN WANITA MAHU PENJELASAN MENGENAI JAWATANKUASA VETERAN UMNO

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno hari ini mahu pucuk pimpinan parti menjelaskan rasional penubuhan Jawatankuasa Perundingan Veteran UMNO yang akan berfungsi sebagai sebuah badan penasihat kepada Majlis Tertinggi Umno.

Wakil Pergerakan itu, Zaleha Hussein, ketika membahaskan usul ucapan dasar presiden pada Perhimpunan Agung UMNO di sini berkata pergerakan itu terkilan dan mahukan penjelasan apakah dengan penubuhan jawatankuasa itu seolah-olah ada satu badan lain yang lebih tinggi daripada MT.

"Saya nak tanya sebab saya ada saham mengundi. Saya nak tanya Majlis Tertinggi, adakah dengan adanya jawatankuasa ini MT sudah tidak berwibawa lagi," katanya sambil disambut tepukan perwakilan.

Beliau juga bertanyakan adakah MT masih memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada satu badan lain, "katanya.

Beliau berharap kemusykilan yang dikemukakan itu tidak akan mengwujudkan perasaan kecil hati atau gundah gulana pada kalangan pemimpin dan MT.

Jawatankuasa Perundingan Veteran Umno dipengerusikan bekas Timbalan Presiden Umno, Tun Ghafar Baba.

Semalam, Ghafar berkata lima anggota veteran parti telah dikenalpasti iaitu Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Aishah Ghani, Tan Sri Samad Idris, Ibrahim Azmi serta Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusuf Nor.

Ghafar berkata nama-nama anggota jawatankuasa itu telah dihantar kepada Setiausaha Agung parti Datuk Sabbaruddin Chik untuk dikemukakan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

--BERNAMA

ARA WAT